

RABI'AH AL-'ADAWIYYAH DAN KONSEP CINTA ILAHI

ZAKARIA STAPA

Jabatan Usuluddin Dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tulisan yang penuh dengan pelbagai kekurangan ini merupakan satu percubaan mendekati salah seorang tokoh sufi wanita Islam yang terkenal, yang hidup dalam abad kedua Hijrah — Rabi^cah al-'Adawiyyah. Pembicaraan, insya-Allahnya, akan cuba difokuskan terhadap latar belakang kehidupan serta sumbangan beliau yang amat bermakna terhadap apa yang diistilahkan di kalangan para al-sufiyyah sebagai *al-hub al-Ilahi* atau cinta Ilahi. Di celah-celah penghuraian tentang beberapa aspek di atas penulis mengharapkan, mudah-mudahan, akan dapat menemui contoh-contoh utama dari perbendaharaan tamadun yang sedang kita miliki.

I

Rabi^cah al-'Adawiyyah, yang penamaan ditel beliau telah menimbulkan sedikit kekaburuan identiti¹, telah, kemungkinan besarnya, dilahirkan sama ada pada tahun 95 atau 99 Hijrah, di Basrah², di dalam sebuah keluarga yang *faqir*³ tetapi *salih*.

Taraf dan kadar kefakiran keluarga beliau dapat dimengertikan dengan baik bila kita diberitahu oleh 'Attar di dalam *Tadhkirat-nya*:

Ibu Bapa Rabi^cah adalah teramat *faqir*, sehingga di malam kelahiran beliau, di rumahnya ketiadaan minyak untuk dinyalakan lampu, dan ketiadaan kain walau sekadar untuk membalut tubuhnya yang baru dilahirkan⁴.

Sedang taraf kesalihan keluarga beliau, terutama ayahnya, dapat pula dimengertikan dari pemerihalan 'Attar sebagai di bawah:

... Ibu Rabi^cah menyuruh ayahnya supaya meminta pinjam sedikit minyak dari rumah jirannya, sedangkan ayahnya telah sedia mencadangkan dalam kehidupan dirinya untuk tidak meminta apa-apa pun juga dari sesiapa pun juga selain dari Allah. Kerana itu ayahnya berpura-pura mengunjungi pintu rumah jirannya dan secara amat perlahan mengetuk pintu tersebut dengan hasrat untuk tidak didengar dan diberikan jawapan, lalu dia kembali ke rumah dengan tangan kosong. Dia memerihalkan kepada isterinya bahawa jiran sebelah tidak pun membuka pintu, lalu dia pulang dengan kekecewaan.⁵

Di tengah-tengah sebuah keluarga yang salih dan *faqir* yang mendiami sebuah pondok kecil di pinggir Kota Basrah, yang

terkenal kepada penduduk Basrah sebagai “pondok kecil seorang ^cabid” itulah Rabi^cah dilahirkan, lalu dinamakan sebagai Rabi^cah kerana beliau merupakan anak yang keempat kepada keluarga tersebut⁶.

Rupanya unsur kesalihan milik keluarga menjadi terwaris dalam bentuk salinan kewarakan yang amat menarik di dalam diri Rabi^cah sejak dari kecil lagi. Perihal ini dapat dimengertikan secara tepat bilamana terdapatnya catatan yang memerihalkan suasana keluarga yang sedang menghadapi hidangan dikejutkan oleh jawapan Rabi^cah terhadap soalan ayahnya yang menanyakan: “Kenapa engkau tidak makan Rabi^cah?”. Dengan nada dukacita Rabi^cah menjawab: “Wahai ayah! Aku tidak mengetahui apakah makanan ini halal ataupun tidak”. Ayah yang merasa gembira dengan jawapan anaknya yang masih kecil itu menanyakan lagi: “Pada pendapat engkau Rabi^cah, apakah patut kita mengambil yang haram bilamana ketiadaan yang halal untuk kita makan?”. Rabi^cah memberi jawapan: “Hendaklah kita bersabar menahan kelaparan di dunia sehingga nantinya kita tidak lagi akan perlu bersabar menahan api neraka di akhirat.” Jawapan Rabi^cah tersebut amat menghairankan ayahnya, kerana dia tidak pernah mendengar ucapan yang seumpama itu kecuali di dalam majlis-majlis para *zuhhad* dan *halaqah* para ^cabid. Ayahnya juga merasa hairan dengan kematangan berfikir dan kematangan kerohanian Rabi^cah yang masih amat muda ketika itu.⁷

Lebih dari itu secara umumnya dapat dikatakan bahawa Rabi^cah berkembang bersama *nur*. Sejak kecil lagi beliau telah menghafal Al-Quran di mana ada diperihalkan bahawa bilamana sesuatu *surah* dihafalkan beliau membacanya dengan penuh khusyuk. Beliau juga, sedari kecilnya diperihalkan sentiasa tidak meninggalkan sembahyang⁸.

Dalam tempoh-tempoh hidupnya yang sedang menuju remaja ayahnya meninggal dunia dan diikuti oleh ibunya, yang menyebabkan beliau bersama tiga saudara yang tidak ada seorang pun lelaki itu benar-benar yatim, yang tidak pula dibekalkan oleh peninggalan harta. Dan dalam tempoh itulah juga Basrah dilanda kemarau yang serius sampai ke tahap kebuluran; yang segalanya itu menyebabkan Rabi^cah dan saudara-saudaranya terpaksa meninggalkan pondok kecil mereka demi untuk mendapatkan makanan. Dengan itu Rabi^cah menjadi terpisah dengan saudara-saudaranya.⁹

Turutan dari peristiwa kebuluran tersebut ^cAttar melaporkan kepada kita:

Rabi^cah pada suatu ketika mengikuti suatu kafilah yang kesudahannya terjatuh ke tangan para perompak.. Ketua perompak tersebut telah menjaga

Rabi^cah sebagai suatu barang rampasan, yang kemudiannya dibawa ke pasar dijual sebagai seorang hamba .. ¹⁰

Dengan peristiwa ini bermulalah satu era baru dalam kehidupan Rabi^cah; iaitu tempoh-tempoh kehidupan beliau sebagai seorang hamba.

Apa yang amat menarik diperhatikan dalam tempoh kehidupan hamba Rabi^cah ini ialah keupayaan beliau menguasai suasana sukar kehidupan seorang hamba untuk tidak menjelaskan hubungan rapatnya dengan Allah yang telah sedia dibina sedari kecilnya. Malah keseksaan dan kesempitan hidup yang dialaminya ditemui keluasan di dalam keimanan kepada Allah. Dan keimanan serta kerapatan hubungan dengan Allah inilah juga, nantinya akan kita lihat, bertanggungjawab membebaskan beliau dari belenggu perhambaan.

Matlamat utama kehidupan Rabi^cah ialah untuk mencari keredaan Allah; di mana keredaan itu, pada beliau adalah seolah-olah segala-galanya. Dalam hubungan ini ada dicatatkan tentang beliau pernah bermunajat kepada Allah:

Tuhanku aku seorang yatim terseksa yang tertambat pada ikatan perhambaan. Segala kesakitan tersebut akan kutanggung dengan sabarnya. Tetapi terdapat satu azab lain yang lebih menyakitkan rohku; yang mengungkai daya kesabaranku diriku. Ianya berpunca dari keraguan yang berlebar di hatiku tentang apakah Engkau reda terhadapku – itulah sebenarnya matlamat diriku ¹¹.

Adalah ternyata bahawa apa yang terlalu amat diinginkan oleh Rabi^cah itu terlaksana juga akhirnya. Hal ini ternyata bila kita membaca apa yang dicatatkan oleh ^cAttar:

Suatu hari dia pergi ke pasar dengan suatu tujuan. Sedang dia melintas sebatang jalan seorang penjahat mengejar beliau. Dia lari untuk menyelamatkan diri dari orang itu; dan dalam berbuat demikian kakinya tergelincir lalu jatuh yang menyebabkan luka tangannya. Dengan sebab itu dia berdoa kepada Tuhan: "Aku seorang yatim yang miskin dan pula seorang hamba. Sekarang tanganku juga sedang luka. Tetapi aku tidak menghiraukan semua hal tersebut, asalkan Engkau reda denganku. Bagaimanapun manifestasikanlah kepadaku bahawa Engkau reda terhadapku." Suatu suara suci berkata dalam memberi jawapan: "Tidak usahlah berduakacita dengan penderitaan-penderitaan yang sedang ditanggung ini. Pada hari kiamat engkau akan diberikan satu status yang akan dicemburui malah oleh para malaikat pun." Setelah itu dia kembali menjalankan tugasnya. Selepas peristiwa tersebut, adalah menjadi kerja hariannya menghabiskan seluruh malam dengan melakukan sembahyang, setelah saji kerja-kerja rumahnya siap dibereskan ... ¹²

Rupanya dalam perjalanan hidup Rabi^cah, kesenantiasaan beliau bermunajat malam itu, ditakdirkan menjadi sebab kebasannya dari taraf hamba. Ini adalah berasaskan apa yang seterusnya diperihalkan lagi oleh ^cAttar:

Secara kebetulannya tuan rumah terjaga di suatu tengah malam dan perhatiannya ditarik oleh suatu suara yang menghibakan, yang datang dari Rabi^cah yang sedang bermunajat kepada Tuhan. Rabi^cah sedang merayu: "Tuhan! Engkau Maha Mengetahui bahawa kehendakku yang tulen ialah untuk melaksanakan perintah-perintah Engkau dan berkhidmat kepada Engkau dengan seluruh hatiku ... Jika aku dibebaskan, akan aku habiskan seluruh siang dan malam dengan sembahyang. Tetapi apa yang boleh aku buat Engkau telah menjadikan aku seorang hamba kepada seorang manusia?". Tuan rumah juga melihat suatu cahaya tergantung tanpa tali di dalam bilik Rabi^cah, dan bilik tersebut dibanjiri oleh cahaya tersebut. Segera tuan rumah merasakan sebagai suatu pencemaran menjadikan seorang wali besar seumpama Rabi^cah itu sebagai hamba, dan malahnya sebagai ganti, beliau mengambil keputusan untuk berkhadam dengan Rabi^cah . Pada paginya tuan rumah memanggil Rabi^cah memberitahu keputusannya bahawa dari saat itu dia akan berkhadam kepada Rabi^cah, dan Rabi^cah seharusnya tinggal di rumah itu sebagai tuan rumah. Bagaimanapun kalau sekiranya Rabi^cah berkeras mahu meninggalkan rumah tersebut, dia akan melepaskan Rabi^cah dari ikatan perhambaan. Rabi^cah memberitahu tuan rumah bahawa dia ingin meninggalkan rumah tersebut untuk melaksanakan ibadah secara bersendirij¹³. Tuannya lalu membenarkan dan Rabi^cah meninggalkan rumah tersebut

Dengan itu berakhir lagi satu babak dalam kehidupan Rabi^cah, untuk ditemukan pula dengan satu babak lain dalam kehidupannya selepas mencapai kemerdekaan.

Babak kehidupan selepas kemerdekaan mempunyai variasi pemerihalan yang agak menarik. Sebagaimana yang jelas dari catatan ^cAttar yang dinukilkan di atas, maksud Rabi^cah meninggalkan rumah tuannya adalah untuk melakukan ibadah secara bersendirij. Tetapi ^cAttar juga di tempat lain, secara bersendirian tanpa disokong oleh mana-mana pun tulisan lain, ada menjelaskan bahawa Rabi^cah untuk suatu tempoh tertentu selepas merdeka dari menjadi hamba telah terlibat dalam pekerjaan yang menggunakan alat-alat bunyian¹⁴.

Riwayat ^cAttar yang telah tidak diperkatakan oleh mana-mana pun penulis lain itu, telah diketengahkan secara yang bersungguh-sungguh oleh Dr. ^cAbd. al-Rahman Badawi menerusi tulisan beliau *Shahidah al-Ishq al-Illahi Rabi^cah al-^cAdawiyyah*, dalam usaha beliau untuk memperkatakan kegiatan hidup Rabi^cah dalam tempoh-tempoh selepas beliau merdeka.

Dr. ^cAbd. al-Rahman Badawi, yang pada satu peringkat dalam *shahidahnya* didapati meragui dan keberatan menerima penriwayatan ^cAttar sekiranya tidak disokong oleh sumber-sumber lain¹⁵, kelihatannya di sini dalam hubungan dengan keterlibatan Rabi^cah dalam pekerjaan yang menggunakan alat-alat tiupan ini, begitu yakin seyakin-yakinnya sehingga dia, berdasarkan penriwayatan ^cAttar tersebut, telah membina andaian-andaian yang membentuk gambaran tentang kegiatan hidup Rabi^cah selepas beliau dimerdekaan:

Sesungguhnya Rabi'ah semasa dimerdekaan telah terdorong, dengan kelebihan kemerdekaan yang diperolehinya itu ke arah menggauli kehidupan dunia ... Lalu mulalah Rabi'ah berusaha untuk mendapatkan rezeki hidup yang didapati tidak ditemuinya selain pekerjaan di bidang bunyian dan nyanyian ... Dan diandaikan juga bahawa dalam tempoh kehidupan seninya itu ... Sesungguhnya dia telah terdorong ke jalan kehidupan syahwah hingga ke tahap yang agak jauh ... Terkhayal juga kepada kita bahawa beliau mengambil masa yang agak lama dalam pekerjaan dosa dan tenggelam dalam lautan syahwah ... Kerana beliau selepas itu didapati telah bertaubat. Taubat ini sahaja sudah merupakan bukti yang paling benar di sisi kita tentang keterdorongannya ke suatu had yang amat jauh di jalan syahwah ... Perubahan-perubahan kerohanian yang agung terjadi selalunya sebagai natijah dari keterlaluan serta kemelampauan ... Kemelampauan keimanan St. Paul adalah natijah kemelampauan keingkarannya terhadap agama Masihi ... Adalah tidak mungkin Rabi'ah menjadi begitu kental iman dan cintanya kepada Allah, kalau tidaklah sebelumnya beliau amat melampau dalam perbuatan dosa dan cintakan dunia¹⁶.

Begitulah bunyinya andaian yang dibina oleh Dr. 'Abd al-Rahman Badawi berasaskan riwayat 'Attar yang amat ringkas. Berasaskan cerita yang diandaikan oleh Badawi inilah juga misalnya telah terbikin sebuah filem yang ramai juga di antara kita di tanahair telah berpeluang menontonnya.

Bagaimanapun pada hemat penulis, kita harus menjadi sedikit berhemat bila berbicara dan membicarakan kalangan orang yang diiktiraf ramai sebagai memiliki kedudukan yang hampir dengan Allah. Kita jangan terlalu tergesa-gesa membina andaian berasaskan kenyataan umum yang boleh didekati dan ditafsirkan dengan pelbagai cara berasaskan keahlian yang berbeza-beza.

Dalam hubungan dengan Rabi'ah, berasaskan hakikat sejarah yang melingkungi hidupnya, yang sejak dari kecil lagi sudah memperlihatkan perwatakan kewarakaran yang luar biasa; yang pula tidak pernah terjejas kerapatan hubungannya dengan Allah, walau dalam keadaan susah yang sebagaimanapun juga; yang laginya kemahuan dan matlamat utama hidupnya adalah untuk mendapatkan keredaan Allah semata — berasaskan hakikat tersebut, adalah amat tidak munasabah beliau mempersia-siakan nikmat kebebasan dari perhambaan yang dikurniakan oleh Allah itu, lalu melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak Allah. Dalam nada yang seumpama inilah arah penafsiran Surur dalam hubungan dengan gaya hidup Rabi'ah selepas beliau dibebaskan dari belenggu perhambaan¹⁷.

Kenyataan umum 'Attar yang memerihalkan keterlibatan Rabi'ah dalam bidang muzik dengan menggunakan alat flute itu telah diulas oleh Surur sebagai di bawah:

Kita boleh memerhatikan di sini bahawa al-'Attar telah menyebutkan bahawa Rabi'ah bekerja di bidang muzik dengan meniup flute, dan tidak sekali-kali

menyebut nyanyian; sedangkan flute merupakan satu alat muzik yang digunakan di dalam majlis-majlis zikir dan *halqah* golongan sufi. Oleh sebab itu peniupan flute oleh Rabi^cah itu adalah tidak lebih dari suatu tiupan keimanan bersama-sama golongan yang tunduk kepada Allah ...¹⁸.

Dalam hubungan dengan persoalan *tawbah*, maka amat perlu dimengertikan bahawa *tawbah* di kalangan para sufi adalah tidak semestinya dilakukan berasaskan perbuatan dosa sebagai yang dikhayalkan oleh Dr. Badawi; kerana *tawbah* tersebut, sebagai yang antara lainnya dijelaskan oleh Dhu al-Nun al-Misri adalah terbahagi kepada dua jenis: Pertama, *Tawbah* golongan awam yang sememangnya ditujukan ke arah pembersihan dosa. Keduanya *tawbah* golongan *Khawwas* iaitu merupakan *tawbah* dari perbuatan *ghaflah* atau kelupaan¹⁹. Dan aspek kelupaan tersebut sebagai yang kita ketahui dalam ilmu fiqh adalah masih berada di luar dari daerah dosa.

Adapun andaian Badawi yang dianggap ilmiah, yang mengatakan seseorang insan tidak mungkin menjadi seorang mukmin yang kental akidahnya, kecualilah bilamana ia, dalam kehidupan awalnya adalah seorang yang *mulhid* dan *fasiq*; yang pula diketengah olehnya contoh-contoh dari dunia Kristian itu adalah tidak dapat diterima bilamana kita mengingati para awliya' dan salihin adalah tidak semestinya muncul dari kalangan orang yang pada mulanya adalah *mulhid* dan *fasiq*²⁰.

Terlalu amat nyata bahawa andaian yang dibina oleh ^cAbd. al-Rahman Badawi sebagai yang dicatatkan sebelum ini adalah tidak ilmiah dan tidak boleh dipertanggungjawabkan. Malah sebenarnya, sebagai yang dicatat oleh kebanyakan tokoh sejarah, yang tidak termasuk al-^cAttar, bahawa Rabi^cah, selepas dibebaskan dari perhambaan, pertama-tamanya tinggal di *Sahra'*. Setelah itu beliau berpindah ke Basrah di mana ramai para murid dan para sahabatnya berhimpun di sekeliling dan mengunjungi beliau untuk maksud menghadiri majlis beliau dan mendengar ucapan-ucapan beliau. Dari kalangan mereka termasuklah Malik b. Dinar, Rabah al-Qaysi, Sufyan al-Thawri serta Shaqiq al-Balkhi²¹.

Kehidupan dengan taraf kedudukan sebagai di atas dihayati oleh Rabi^cah terus-terusan sehingga beliau mengakhiri hayat duniawinya pada tahun 180H²².

II

Berbicara sekarang dalam hubungan dengan konsep cinta Ilahi, maka secara pastinya kita boleh temui dasarnya dari Al-Quran Al-Karim. Sememang di dalam Al-Quran itu terdapat sekelompok ayat-ayat, dalam mana Allah memerihalkan diri-Nya sebagai memiliki sifat-sifat keindahan, kerahmatan terhadap hamba-Nya,

kecintaan kepada mereka serta memberikan pengampunan terhadap dosa-dosa yang mereka lakukan. Di antara ayat-ayat yang boleh kita ketengahkan dalam hubungan ini ialah seumpama di bawah:

- (Maksudnya): "Wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa yang murtad dari agamanya, Islam, nanti Allah mendatangkan satu kaum²³ Allah kasih (cinta) kepada mereka dan mereka kasih (cinta) kepada Allah ..."
- (Maksudnya): "Katakanlah (ya Muhammad), jika kamu kasih (cinta) kepada Allah, maka hendaklah ikut aku, nescaya Allah mengasihinya (mencintai) kamu dan mengampuni dosa kamu ..."²⁴
- (Maksudnya): "Setengah manusia ada yang mengambil lain daripada Allah menjadi Tuhan (mempersekuatkan Allah), sedang mereka mengasihinya (mencintainya) seperti mengasihi (mencintai) Allah. Tetapi orang-orang yang beriman amat kasih (cinta) kepada Allah ..."²⁵

Dari ayat-ayat di atas jelas memperlihatkan wujudnya unsur cinta mencintai di antara Allah di satu pihak dan makhluk, khususnya manusia, di pihak yang lain. Kalau diperhatikan, akan dapat diketemukan bahawa dalam ayat yang pertama di atas memerihalkan tentang cinta Allah itu mendahului cinta makhluk; dalam ayat kedua pula menyebutkan tentang cinta makhluk kepada Allah dan cinta Allah kepada makhluk dan ayat yang ketiganya memerihalkan tentang kekentalan cinta makhluk (manusia yang beriman) kepada Allah.

Kalangan ahli sufi, sewaktu membicarakan persoalan cinta telah membahagikannya kepada tiga *ahwal*²⁶

Pertama: Cinta kalangan umum yang cintanya lahir hasil dari *ihsan* dan kasihan belas Allah kepada mereka. Bentuk cinta golongan ini ialah bagaikan apa yang diperihalkan oleh Sahl Ibn 'Abd Allah bila ditanya tentang cinta; iaitu beliau mengatakan: "Penyelerasan hati terhadap iradah Allah serta mengiltizamkan penyelarasannya tersebut, dan mengikuti Rasulullah (s.a.w.) bersama kesentiasaan ghairah mengingati Allah serta kewujudan *halawah* dalam bermunajat kepada Allah".

Kedua: Cinta yang lahir dari titik *qalb* terhadap kekayaan, kebesaran, keagungan, keilmuan dan kekuasaan Allah, iaitu cinta kalangan *saqidin* dan *mutahaqqiqin*. Bentuk cinta golongan ini ialah bagaikan jawapan Ibrahim al-Khawwas terhadap soalan tentang cinta, di mana beliau mengatakan: "Permusnah-an seluruh bentuk *iradah* kemanusiaan dan penghapusannya semua bentuk sifat dan seluruh bentuk hajat."

Ketiga: Cinta kalangan *siddiqin* dan *arifin* yang lahir dari tilik pandang dan *ma'rifah* mereka tentang kedahuluan cinta Allah yang beralaskan *cillah*. Maka itu, mereka juga mencintai Allah tanpa *cillah*. Bentuk cinta golongan ini pula ialah bagaikan apa yang diperkatakan oleh Dhu al-Nun al-Misri bilamana beliau

memberikan jawapan terhadap persoalan cinta suci. Beliau dalam hubungan ini mengatakan: "Cinta suci bersih yang tiada sebarang titik keruh terhadap Allah itu ialah gugur luruhnya cinta dari *qalb* dan anggota, sehingga cinta (seolahnya bagaikan) tidak ada, lalu keperkaraan seluruhnya dengan Allah dan bagi Allah. Demikianlah perihal orang yang mencintai Allah."

Dilihat dari perspektif sejarah, persoalan dan penghayatan cinta Ilahi di kalangan para sufi telah mula terasas di Basrah. Dari kalangan pelopor awal itu akan kita temui nama-nama seumpama Rabi^cah al-^cAdawiyyah, Rabah b. ^cUmrū al-Qaysi, Ibn Habban al-Hariri, Abu Habib al-^cAjami, ^cAbd al-Wahid b. Zayd, Kulayb, ^cAbdak al-sufi al-Shi^ci, isteri Rabah al-Qaysi serta Abu al-Atahiyyah al-Sha^cir.²⁷

Kemudiannya dari kalangan nama-nama yang disebutkan di atas, Rabi^cah merupakan orang yang pertama sekali mengalunkan irama cinta Ilahi. Maka itulah beliau telah dianggap sebagai pengasas aliran cinta Ilahi di dalam sejarah perkembangan tasawwuf²⁸.

Secara yang penuh ikhlas dan di luar sebarang tujuan lain selain cinta, Rabi^cah menghayati cintanya kepada Allah. Cintanya kepada Allah, yang terjalin indah dalam peribadatan, tidak ter dorong oleh rasa ketakutan kepada neraka-Nya dan tidak pula kerana tamak kepada syurga-Nya, tetapi semata-mata kerana keindahan, yang memang berhak untuk dicintai. Dalam hubungan ini, antara lain Rabi^cah ada menjelaskan: "Tuhanku, bilamana aku menyembah Engkau kerana takutkan neraka, maka bakarkanlah aku dengan api Jahanam; bilamana pula aku menyembah Engkau kerana inginkan syurga, maka haramkan aku dari mendapatnya; tetapi bilamana aku menyembah Engkau kerana cintakan Engkau, maka Tuhanku, janganlah Engkau haramkan aku dari memperolehi kenikmatan keindahan Engkau yang azali itu."²⁹

Setelah Rabi^cah mengungkapkan persoalan cinta dengan merumuskannya sebagai di bawah:

Aku menyintai Engkau (Allah) dengan dua jenis cinta: Cinta *hawa* dan cinta akan Engkau kerana Engkau memang berhak kepadanya. Adapun dalam hubungan dengan cinta *hawa*, maka ia melibatkan kesibukan ku mengingati Engkau sahaja, bukan yang selain dari Engkau. Sedangkan cinta yang Engkau berhak kepadanya, maka tertumpu pada ter-kashfnya Engkau dari *hijab* sehingga aku dapat melihat Engkau. Maka pujian dalam mana-mana cinta pun adalah tidak ³⁰kepadaku, tetapi kepada Engkaulah pujian itu di dalam kedua-dua jenis cinta.

Dari petikan di atas ternyata bahawa Rabi^cah membahagikan cinta kepada dua kategori, iaitu apa yang diistilahkannya sebagai cinta *hawa* dan cinta kerana Allah berhak dicintai. Meminjam sudut pandangan ^cAffifi dalam usaha untuk memahami hakikat dua jenis cinta di atas, maka kita diberitahu:

Rabi'ah memperkatakan dua jenis cinta terhadap Allah: Iaitu cinta kepada-Nya kerana sesuatu tujuan yang dikehendaki serta sesuatu manfaat yang diinginkan, atau ianya merupakan cinta keakuan yang dinamakannya sebagai "Cinta Hawa". Cinta kedua ialah cinta kepada Allah kerana Dia adalah Allah. Ianya merupakan sebuah cinta penghormatan yang suci bersih dari maksud-maksud personal dan syahwah. Dalam cinta jenis kedua inilah Rabi'ah didapati tidak melihat sesuatu apa pun di alam maya ini melainkan dia akan melihat Allah di dalamnya.³¹

Dari penghuraian 'Affifi sebagai di atas terlihat wujudnya unsur *fana'* dalam bentuk cinta Rabi'ah, khususnya cinta dalam jenis kedua. Dan kalau kita ingatkan kembali pembahagian cinta sebagai yang telah dijelaskan sebelum ini, maka dapat kita letakkan Rabi'ah, dalam hubungan itu, ke dalam kategori yang *ketiga* tersebut.

Ternyata bahawa suatu unsur cinta yang mantap telah terbina dalam penghayatan golongan sufi dengan kelahiran Rabi'ah. Dan dalam sejarah perkembangannya, setelah diasaskan oleh Rabi'ah, cinta dalam penghayatan para sufi sudah berupa satu objektif yang dicipta-citakan. Di kurun ketiga Hijrah misalnya telah muncul tokoh-tokoh yang memperkatakan tentang cinta seumpama: al-Harith b. Asad al-Muhasibi, al-Junayd, Yahya b. Mu'adh al-Razi, Sariyy al-Saqati, Dhu al-Nun al-Misri, Sahl b. 'Abd Allah al-Tustari, Samnun b. Hamzah, Abu Bakr al-Shubli dan lain-lain. Kemudiannya idea cinta Ilahi yang diasaskan oleh Rabi'ah itu telah mencapai kemuncaknya dalam falsafah golongan yang mendokong idea *wahdat al-wujud*³⁰

III

Barangkali dalam arus dan simpang-siur hidup kini yang penuh dengan pelbagai cabaran kebendaan, yang pulanya banyak merenggangkan hubungan manusia dan Penciptanya, terdapat beberapa sari tauladan yang boleh disedut dari tokoh-tokoh kerohanian seumpama Rabi'ah. Wara'nya kerapatan hubungannya dengan Allah tanpa mengira suasana, cinta tulennya kepada Allah adalah di antara perkara-perkara yang boleh diberikan perhatian dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai tersebut ke dalam kehidupan harian masakini.

Nota

¹ Apa yang cuba dimaksudkan dari kenyataan di atas adalah merujuk kepada suasana percanggahan catatan dan kekurangan penjelasan terhadap penamaan dan asal usul keluarga Rabi'ah. Terdapat sumber-sumber yang membicarakan persekitaran hidup Rabi'ah yang langsung tidak menyentuh asal usul keturunan beliau, yang malahnya nama ayahandanya pun tidak disebutkan;

iaitu sebagai yang boleh kita temui dari apa yang ditulis oleh Farid al-Din ^cAttar dalam *Tadhkirat al-Awliya*'nya.. Di samping itu dalam hal ini terdapat pula kenyataan yang bercanggahan antara satu sama lainnya. Kalangan yang berbeza pendapat ini pada umumnya boleh dibahagikan kepada dua golongan: Pertama kalangan yang cuba menamakan ayahanda Rabi^cah sebagai Isma^cil; seperti yang dapat kita lihat dalam tulisan-tulisan Ibn Khallikan, al-Jahiz, al-Tabakhi dan al-Zabidi. Keduanya kalangan yang cuba membezakan di antara Rabi^cah al-^cAdawiyyah dengan Rabi^cah binti Isma^cil al-^cAdawiyyah; Golongan kedua ini terdiri dari orang-orang seumpama al-Manawi, al-Sha^crani juga Ibn al-Jawzi. Adalah teramat nyata bahawa memang terdapat dua Rabi^cah al-^cAdawiyyah yang hidup di tempat yang berlainan dan dalam zaman yang berbeza. Hal ini jelas bilamana kita perhatikan, antara lain, catatan al-Sha^crani di dalam *al-Tabaqat al-Kubranya* dan *Sifat al-Safwah* Ibn al-Jawzi. al-Sha^crani dan Ibn al-Jawzi secara jelas membezakan di antara seorang Rabi^cah yang hidup lebih awal di Basrah dengan seorang Rabi^cah lain yang hidup sedikit lewat di Sham. Rabi^cah al-Shamiyyah itulah sebenarnya yang berayahkan Isma^cil. Dengan itu nyatalah bahawa golongan pertama di atas sedikit keliru dalam hal ini, di mana semuanya, sebagai yang dilihat oleh Surur di dalam tulisan beliau *Rabi^cah al-^cAdawiyyah wa al-Hayah al-Ruhiyah fi al-Islam*, terkesan oleh periyawatan yang dibawa oleh Ibn Khallikan di dalam *Wafiyat al-A^cyan wa Anba' Abna' al-Zamannya*, yang oleh Susur lagi dikatakan, Ibn Khallikan tersebut, sebagai tidak boleh dijadikan pegangan dalam persejarahan golongan sufi. (Lih. Abu al-Mawahib ^cAbd al-Wahhab b. Ahmad b. ^cAli al-Ansari al-Ma^craf bi al-Sha^crani, *al-Tabaqat al-Kubra al-Musammat bi Lawaqih al-Anwar fi Tabaqat al-Akhyar*, 2 Jil. (Misr: Syarikat Maktabah wa Matba^cah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1954/1373), 1:65-66; Jamal al-Din Abi al-Faraj Ibn al-Jawzi, *Sifat al-Safwah*, tahqiq dan ta^cliq Mahmud Fakhuri, Takhrij Muhammad Raws Qal^caji, 4 Jil. (Halab: Dar al-Wa^ci; 1973/1393), 4:27-31, 300-303; Abu al-Abbas Shams al-Din Ahmad b. Muhammad b. Abi Bakr b. Khallikan, *Wafiyat al-A^cyan wa Anba' Abna' al-Zaman*, tahqiq Ihsan ^cAbbas, 8 Jil. (Bayrut: Dar al-Thaqafah, n.d.), 2:285; Fariduddin ^cAttar, *Tadhkaratul-Auliya or Memoirs of Saints*, Selected and Abridged by Bankey Behari (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1965), h. 19-34; Taha ^cAbd al-Baqi Surur, *Rabi^cah al-Adawiyyah wa al-Hayah al-Ruhiyah fi al-Islam* (Misr: Dar al-Fikr al-^cArabi, n.d.), h. 34-35).

2 Margaret Smith, *Rabi^cah The Mystic and Her Fellow-Sain in Islam* (Cambridge: The University Press, 1928), h. 5.

3 Dalam hubungan dengan persoalan *faqir* adalah amat perlu dimengertikan bahawa ianya sebagai yang dijelaskan oleh al-Qushayri di dalam *al-Risalah*nya, adalah merupakan syiar para wali; perhiasan golongan *asfiya* serta merupakan kehendak Allah terhadap para *atqiya*' dan *anbiya*' yang terpilih. al-Qushayri menjelaskan lagi bahawa para *faqir* adalah kalangan hamba-Nya yang suci; yang dijadikan tempat simpanan pelbagai rahsia Allah di kalangan makhluk; dengan meraikan mereka makhluk seluruhnya dijaga baik oleh Allah dan menerusi keberkatan mereka juga rezeki Allah limpahkan ke atas makhluk. Dengan itu ternyata besar peranan golongan *faqir* dalam menentukan *survival* dan kelanjutan makhluk seluruhnya. (Lih. Abu al-Qasim ^cAbd. al-Karim Ibn Hawazin b. ^cAbd al-Malik b. Talhah al-Qushayri, *al-Risalah al-Qushayriyyah*, tahqiq ^cAbd al-Halim Mahmud dan Mahmud b. al-Sharif, 2 Jil. (Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah, n.d.), 2:537).

⁴ ^cAttar, *Tadhkarat*, h. 19.

⁵ Ibid.

⁶ Lih. Ibid.; dan Susur, *Rabi'ah*, h. 31, 33.

⁷ Mahmud al-Sharqawi, *Rabi'ah al-^cAdawiyah*, (al-Qahirah: Dar al-Sha^cb, n.d.), h. 53.

⁸ Ibid.; dan Surur, *Rabi'ah*, h. 38.

⁹ Surur, *Rabi'ah*, h. 38.

¹⁰ ^cAttar, *Tadhkarat*, h. 20.

¹¹ Surur, *Rabi'ah*, h. 41.

¹² ^cAttar, *Tadhkarat*, h. 20-21.

¹³ Ibid., h. 21.

¹⁴ Surur, *Rabi'ah*, h. 44.

¹⁵ ^cAbd al-Rahman Badawi, *Shahidah al-'Ishq al-Illahi Rabi'ah al-^cAdawiyah* cet. ke-4 (al-Kuwayt: Wikalah al-Matba^cat, 1978), h. 12.

¹⁶ Ibid., h. 20-21.

¹⁷ Surur, *Rabi'ah*, h. 46.

¹⁸ Ibid., h. 47.

¹⁹ Abu Nasr al-Sarraj al-Tusi, *al-Luma^c*, tahqiq, taqdim dan takhrij ^cAbd al-Halim Mahmud dan Taha ^cAbd al-Baqi Surur (Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1960/1380), h. 68.

²⁰ Surur, *Rabi'ah*, h. 46.

²¹ Ibid., h. 101.

²² Al-Sharqawi, *Rabi'ah*, h. 52. Bagaimanapun terdapat sedikit variasi dalam hubungan dengan tarikh kematian Rabi'ah ini, kerana di samping tarikh di atas terdapat tarikh lain yang diberikan seumpama tahun 135H. dan tahun 185H. (Lih. Ibn Khallikan, *Wafiyat*, 8:287).

²³ al-Quran, *Surah al-Maidah*, 5:54.

²⁴ al-Quran, *Surah Ali Imran*, 3:31.

²⁵ al-Quran, *Surah al-Baqarah*, 2:165.

²⁶ al-Tusi, *al-Luma^c*, h. 86-87.

²⁷ Abu al-^cUla ^cAffifi, *al-Tasawwuf: al-Tawrah al-Ruhiyah fi al-Islam* (Misr: Dar al-Ma^carif, 1963), h. 209.

²⁸ Surur, *Rabi'ah*, h. 42.

²⁹ Ibid., h. 103.

³⁰ Abu Talib Muhammad b. ^cAli b. ^cAtiyyah al-Harithi al-Makki, *Qut al-Qulub fi Mu^camalah al-Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid*, 2 jil. (Misr: Sharikah Maktabah wa Matba^cah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1961/1381), 2:114.

³¹ ^cAffifi, *al-Tasawwuf*, h. 210.

³² Ibid., h. 211.

Rujukan

al-Sha^crani, Abu al-Mawahib ^cAbd al-Wahab b. Ahmad b. ^cAli al-Ansari. *al-Tabaqat al-Kubra al-Musammat bi Lawaqih al-Anwar fi Tabaqat al-Akhyar*. 2 Jil. Misr: Syarikat Maktabah wa Matba^cah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1954/1373.

Ibn al-Jawzi, Jamal al-Din Abi al-Faraj. *Sifat al-Safwah*. Tahqiq Dan Ta^cliq Mahmud Fakhuri. Takhrij Muhammad Raws Qal^caji. 4 Jil. Halab: Dar al-Wa^ci, 1973/1393.

Ibn Khallikan, Abu al-^cAbbas Shams al-Din Ahmad b. Muhammad b. Abu Bakr. *Wafiyat al-^cAyan wa Anba' al-Zaman*. Tahqiq Ihsan ^cAbbas. 8 Jil. Bayrut: Dar al-Thaqafah, n.d.

^cAttar, Fariduddin. *Tadhkaratul-Auliya or Memoirs of Saints*. Selected and Abridged Bankey Behari. Lajore: Sh. Muhammad Ashraf, 1965.

Surur, Taha ^cAbd al-Baqi. *Rabi^cah al-^cAdawiyyah wa al-Hayah al-Ruhriyyah fi al-Islam*. Misr: Dar al-Fikr al-^cArabi, n.d.

Smith, Margaret. *Rabi^ca, The Mystic and Her Fellow-Saints in Islam*. Cambridge: The University Press, 1928.

al-Qushayri, Abu al-Qasim ^cAbd al-Karim Ibn Hawazin b. ^cAbd al-Malik b. Talhah. *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Tahqiq ^cAbd al-Halim Mahmud dan Mahmud b. al-Sharif. 2 Jil. Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah, n.d.

al-Sharqawi, Mahmud. *Rabi^cah al-^cAdawiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Sha^cb, n.d.

Badawi, ^cAbd. al-Rahman. *Shahidah al-'Ishq al-Ilahi Rabi^cah al-^cAdawiyyah*. Cet. 4. al-Kuwayt: Wikalah al-Matbu^cat, 1978.

al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj. *al-Luma^c*. Tahqiq Taqdim Takhrij ^cAbd. al-Halim Mahmud dan Taha ^cAbd al-Baqi Surur. Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1960/1380.

^cAffifi, Abual-^cUla. *al-Tasawwuf: al-Thawrah al-Ruhriyyah fi al-Islam*. Misr: Dar al-Ma^carif; 1963.

al-Makki, Abu Talib Muhammad b. ^cAli b. ^cAtiyyah al-Harithi. *Qut al-Qulub fi Mu^camalah al-Mahbub wa wasf Tariq al-Murid lla Maqam al-Tawhid*. 2 Jil. Misr: Sharikah Maktabah wa Matba^cah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1961/1381.